Persidangan Pendidikan Digital Sedunia buka tirai di Beijing

Februari 13, 2023 @ 5:15pm



Gambar hiasan - FOTO AFP

BEIJING: Persidangan Pendidikan Digital Sedunia membuka tirainya di Beijing, hari ini, dengan menghimpunkan duta asing dan wakil pertubuhan antarabangsa dari hampir 50 negara serta canselor institusi pengajian tinggi (IPT) berprestij.

Bertema 'Digital Transformation and Future of Education', acara diadakan secara hibrid itu dijadualkan berlangsung selama dua hari dan menarik penyertaan wakil dari lebih 130 negara serta wilayah.

Difahamkan, persidangan itu akan memfokus kepada topik seperti transformasi pendidikan digital, pembangunan dan pengaplikasian sumber pembelajaran digital, peningkatan literasi digital guru dan pelajar, serta tadbir urus digital pendidikan.



Selain itu, inisiatif penubuhan perikatan pendidikan digital dunia dan inisiatif kerjasama pembangunan pendidikan digital dunia akan turut dilancarkan.

TERKINI PILIHAN PEMBACA

now Tonto didakwa terima rasuah lebih RM100,000 daripada 10 syarikat lori
3m Bapa, adik Rozman pemegang saham terendah pelabuhan Labuan
6m Sorok ratusan bilion, bekas Menteri Kewangan dipanggil SPRM
10m KWSP, KWAP jual saham dalam MyEG
19m PDRM bantu siasatan rakyat Malaysia ditembak di Betong
24m Pembantu klinik haiwan mengaku bersalah 2 pertuduhan cabul kehormatan wanita
28m Chef Wan menangis kongsi kisah ibu di konti Buletin FM
37m Bayi lahir di bawah runtuhan sihat, disusukan isteri pengarah hospital

TRENDING

KORPORAT 10 minit yang lepas
KWSP, KWAP jual saham dalam MyEG